

Bab 4 :

KESEDARAN BAHAYA KEBAKARAN



- 4.1 Kesedaran Diri (Ilmu)
 - 4.1.1 Pecegahan Punca Kebakaran
 - 4.1.2 Keselamatan Diri – Berhenti,Rebah dan Guling
 - 4.1.3 Sensitif terhadap keselamatan Bahaya kebakaran
 - 4.1.4 Pengusian Bangunan
- 4.2 Membantu
 - 4.2.1 JK Keselamatan Sekolah
 - Kempen Sekolah Selamat
 - Pengusian Bangunan
 - 4.2.2 Masyarakat Setempat
 - 4.2.3 Keluarga
 - 4.2.4 Membimbing Rakan Sebaya





KESEDARAN BAHAYA KEBAKARAN

1. PENGENALAN:

Setiap kebakaran yang berlaku akan mengakibatkan kebakaran kemusnahan hartabenda, malah mungkin juga boleh menyebabkan kehilangan nyawa. Oleh itu, masyarakat khususnya ahli kadet bomba perlu dididik supaya bersedia dan mampu menghadapi bencana ini.

2. DEFINISI BAHAYA KEBAKARAN

Menurut Seksyen 2 Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

Bahaya kebakaran ertinya:-

- i. (a) Apa-apa pengubahan menyalahi undang-undang pada mana-mana bangunan yang mungkin menjadikan pelepasan diri dari mana-mana bahagiannya sekiranya berlaku kebakaran padamatannya lebih sukar atau kurang mudah daripada yang sepatutnya jika pengubahan itu tidak dibuat.
- ii. (b) Kesesakan mana-mana tempat hiburan awam atau perhimpunan awam yang mungkin menjadikan pelepasan diri dari mana-mana bahagiannya sukar sekiranya berlaku kebakaran.
- iii. (c) Apa-apa pengalihan dari, atau tidak terdapatnya dalam mana-mana bangunan apa-apa kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakaran yang dikehendaki oleh undang-undang supaya diadakan di dalam bangunan itu.
- iv. (d) Adanya di dalam atau di luar mana-mana bangunan apa-apa kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakaran atau apa-apa kemudahan, yang dipasang mengikut kehendak-kehendak mana-mana undang-undang bertulis atau sebagaimana yang dikehendaki oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba, yang tidak berada dalam keadaan baik.
- v. (e) Jalan keluar yang tidak mencukupi dari mana-mana bahagian sesuatu bangunan ke mana-mana tempat, samada di dalam atau di luar yang memberikan perlindungan kepada orang-orang sekiranya berlaku kebakaran; atau
- vi. (f) Apa-apa perkara atau hal keadaan lain yang pada matannya meningkatkan kemungkinan berlakunya kebakaran atau bahaya kepada nyawa atau harta akibat daripada berlakunya kebakaran, atau yang padamatannya akan mengganggu Jabatan Perkhidmatan Bomba dalam



menjalankan tugasnya sekiranya berlaku kebakaran.

3. PENCEGAHAN PUNCA KEBAKARAN

3.1. Punca-punca kebakaran seperti berikut ;

- 3.1.1. Elektrik
- 3.1.2. Percikan Api
- 3.1.3. Geseran
- 3.1.4. Haba Mekanikal
- 3.1.5. TindakBalas Kimia
- 3.1.6. Mampatan Gas
- 3.1.7. Haba Nuklear
- 3.1.8. Petir
- 3.1.9. Nyalaan

3.2. Bahan mudahbakar seperti ;

- 3.2.1. Bahan-bahan pepejal (Combustible solids)
Contoh :Kayu, Meja, Kerusi, Kertasdan lain-lain
- 3.2.2. Cecair mudahbakar (Combustible liquids)
Contoh : Petrol, Kerosene, Diesel Methanol, Ethanol dan lain-lain
- 3.2.3. Gas mudah terbakar (Combustible gases)
Contoh : Hydrogen, Methane, Butane, Carbon Monoxide dan lain-lain
- 3.2.4. Bahan Logam (Combustible Metals)
Contoh :Kalium (Potassium), Natrium (Sodium), Kalsium, Magnesium dan lain-lain.

3.3. Kecuaian.

- 3.3.1. *Merokok*
 - i. Kecuaian akibat merokok adalah satu punca utama kebakaran di rumah. Jika anda merokok, gunakan bekas abu rokok yang besar dan berat. Jangan biarkan bekas abu rokok menjadi penuh yang boleh menyebabkan habuk panas terjatuh. Pastikan puntung rokok dipadamkan sepenuhnya sebelumdibuang.



- ii. Jangan sekali-kali merokok di atas katil atau setelah mengambil ubat-ubatan yang boleh menyebabkan mengantuk.

3.3.2. *Mancis dan Pemetik Api*

Mancis dan pemetik api diletakkan di tempat yang tinggi supaya tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

3.4. Langkah-langkah pencegahan seperti berikut;

Beberapa langkah yang boleh diambil bertujuan mencegah, menghadkan kemusnahan harta benda dan kehilangan nyawa semasa berlakunya kebakaran. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut;

- 3.4.1. Pendidikan dan Latihan
- 3.4.2. Penguatkuasaan
- 3.4.3. Penyelenggaraan
- 3.4.4. Good house keeping

Pendidikan Dan Latihan ;

- i. Mengadakan ceramah/pembelajaran awam tentang bahaya kebakaran kepada kumpulan sasaran.
- ii. Mengadakan ceramah berkenaan dengan sifat-sifat api, kejadian api, punca, tindakan perlu diambil semasa kejadian dan cara-cara menggunakan peralatan dengan betul berdasarkan sistem-sistem kebomgaan yang sedia ada dalam sesuatu bangunan.
- iii. Menerapkan konsep pencegah kebakaran dalam kokurikulum pembelajaran samada di sekolah rendah ataupun institusi pengajian tinggi.
- iv. Mengadakan latihan bersama 'Evacuation Drill' dan 'Fire Drill' di sesuatu bangunan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada penghuni bertindak semasa kecemasan dan mengenal pasti masalah-masalah yang wujud dalam latihan tersebut.



Penguatkuasaan ;

Seseorang pegawai bomba yang diberikuasa bagi membuat pemeriksaan penghapusan bahaya-bahaya kebakaran di premis-premis bagi maksud ;

- i. Menjalankan penguatkuasaan undang-undang yang termaktub dalam Akta Perkhidmatan Bomba 1988(Akta 341), seperti mengkompaun kesalahan-kesalahan yang berkaitan.
- ii. Memastikan sistem pencegahan kebakaran yang sedia ada dalam keadaan baik dan boleh digunakan pada bila-bila masa.

Penyelenggaraan ;

Mana-mana premis yang telah memasang dengan kelengkapan sistem kebombaan, pihak penyelenggaraan hendaklah memastikan peralatan tersebut dapat digunakan semasa kebakaran tersebut.

Good House Keeping;

- i. Penyusunan yang mengikut penyesuaian barang-barang atau tempat yang dikhaskan.
- ii. Barang-barang yang menghalang jalan keluar hendaklah disusun dengan teratur.
- iii. Susunan barang-barang tidak boleh melindung jalan keluar keselamatan.



TAJUK : KESEDARAN BAHAYA KEBAKARAN

4. PENGENALAN ;

Mengikut Akta Bomba 1988 seksyen 5 (1) adalah menjadi peranan Jabatan Perkhidmatan Bomba di dalam mengambil langkah-langkah :

- 4.1. Memadam, menentang, mencegah dan mengawal kebakaran.
- 4.2. Melindungi nyawa dan harta benda sekiranya berlaku kebakaran.
- 4.3. Menentukan adanya jalan keluar kebakaran, penyelenggaraannya dan pengawalseliaannya yang sempurna.
- 4.4. Menentukan adanya jalan keluar yang cukup dari semua premis ditetapkan sekiranya berlaku kebakaran.

5. TUJUAN LATIHAN ;

- 5.1. Untuk memastikan sistem perlidungan dan pencegahan yang terdapat di sekolah berfungsi dengan baik.
- 5.2. Untuk mendedahkan dan membiasakan semua warga sekolah terhadap tindakan yang perlu diambil sekiranya berlaku kebakaran atau kecemasan.
- 5.3. Untuk mengetahui julat masa yang diambil oleh warga sekolah keluar dari bangunan ke tempat selamat semasa berlaku kebakaran atau kecemasan.
- 5.4. Untuk membiasakan diri dan memberi pengetahuan kepada warga sekolah tatacara menggunakan peralatan pencegahan dan pemadaman kebakaran yang sedia ada seperti loceng penggera, hose reel dan alat pemadam api dengan cara yang betul.



6. LANGKAH-LANGKAH AWAL PENGUNGSIAN BANGUNAN

PENGUNGSIAN BANGUNAN DAPAT DIBAHAGIKAN KEPADA 2 JENIS IAITU :

i) Total Evacuation ;

Pengungsian jenis ini akan melibatkan semua penghuni yang berada di dalam bangunan tersebut. Tidak seorang pun yang akan terkecuali.

ii) Partial Evacuation ;

Pengungsian jenis ini hanya akan melibatkan bahagian-bahagian tertentu sahaja yang telah dipilih dan tidak meliputi semua bahagian.

7. PERSEDIAAN / PERSIAPAN SEBELUM LATIHAN KAWAD KEBAKARAN ;

- i. Menubuhkan sebuah jawatankuasa bertindak kebakaran yang terdiri daripada wakil guru-guru.
- ii. Jawatankuasa bertindak kebakaran ini adalah terdiri daripada:-
 - a. Seorang Ketua Insiden (Pengetua)
 - b. Seorang Penolong Ketua Insiden
(Guru Penolong Kanan/ yang dilantik oleh pengetua)
 - c. Pegawai-pegawai Insiden (Guru-guru)
 - d. Pasukan Pemadam/ Penyelamat
(Kadet-kadet Bomba yang dilantik)
- iii. Merangka @ merancang senario kebakaran / kecemasan
 - Memulakan api (di mana ?)
 - Membunyikan loceng kecemasan
 - Demonstrasi menyelamatkan




- Demonstrasi tatacara menggunakan alat pemadam api

8. PROSEDUR LATIHAN PENGUNGSIAN BANGUNAN ;


- Arahan-arahan untuk petugas.
- Arahan-arahan umum untuk penghuni-penghuni bangunan.
- Mengadakan pelan tempat berkumpul (assembly area) sekurang-kurangnya 30 meter jaraknya dari bangunan yang dijalankan latihan.
- Tentukan jalan-jalan, laluan-laluan, pintu-pintu keluar kecemasan dan tangga-tangga keselamatan tidak dihalang oleh sebarang halangan.
- Tentukan semua sistem kebombaannya berfungsi.
- Pihak Bomba hendaklah diberitahu sebagai pemerhati

PERINGKAT JALAN KELUAR KESELAMATAN





CARTA ALIRAN LATIHAN KEBAKARAN DAN KECEMASAN





9. PERANAN PENCEGAHAN ;

9.1. Dua Peranan Utama;

- 9.1.1. Peranan Pencegahan (sepanjang masa)
- 9.1.2. Peranan bertindak (semasa latihan dan semasa kecemasan berlaku)

9.2. Peranan Pencegahan ;

9.2.1. Mengawasi dan menentukan sistem pencegahan kebakaran di tingkat/bahagian masing-masing berada di dalam keadaan baik dan boleh berfungsi contohnya ;-

- i. Sistem Pecah Kaca,
- ii. Loceng Kecemasan,
- iii. Alat-Alat Pemadam Api,
- iv. Salur Bantu Mula
- v. Lampu-lampu kecemasan di tempat-tempat laluan

9.2.2. Memastikan jalan-jalan, laluan-laluan keluar, pintu-pintu dan tangga-tangga keselamatan bebas dari sebarang halangan dan sentiasa boleh digunakan oleh penghuni untuk menyelamatkan diri.

9.2.3. Pengawasan ke atas bahaya-bahaya kebakaran ; iaitu dengan mengadakan ' check list ' untuk menjalankan pemeriksaan.

9.2.4. Melatih penghuni-penghuni tentang cara-cara bertindak dan menyelamatkan diri daripada kebakaran.

9.3. Cara – Cara Menjalankan Latihan Kecemasan Kebakaran ;

9.3.1. Bunyikan loceng kecemasan di tingkat yang dicadangkan sebagai tingkat berlakunya kebakaran.

9.3.2. Buat pengumuman pada tingkat-tingkat yang dikehendaki penghuni keluar .

9.3.3. Pasukan penyelamat/pemadam menjalankan tugas–tugas menyelamatkan dan memadam di tingkat kebakaran.



- 9.3.4. Pegawai-pegawai insiden memeriksa kehadiran penghuni tingkat/bahagian masing-masing di tempat berkumpul serta melaporkan kepada ketua insiden.
- 9.3.5. Ketua insiden akan melaporkan perihal latihan / kecemasan kebakaran kepada pegawai operasi bomba yang tiba.
- 9.3.6. Pegawai-pegawai pemerhati bomba akan mengambil kira perkara-perkara berikut :-
 - i. Faktor-faktor kecepatan masa.
 - ii. Cara-cara pengosongan
 - iii. Cara-cara tindakan memadam dan menyelamatkan dijalankan.
- 9.3.7. Semua perkara – perkara bersangkutan dengan latihan yang dijalankan hendaklah direkodkan.
- 9.3.8. Latihan adalah melibatkan semua penghun ibangunan .satu kaedah menyelamatkan kepada penghuni – penghuni yang cacat anggota dan yang uzur haruslah diadakan.
- 9.3.9. Kekerapan latihan kecemasan kebakaran pada sesebuah bangunan adalah enam bulan sekali.

10. TINDAKAN OLEH SESIAPA YANG MENDENGAR LOCENG KECEMASAN ;

10.1 .BUNYI LOCENG PUTUS-PUTUS :-

- 10.1.1. Bersedia untuk mengosongkan bangunan.
- 10.1.2. Tutup suis lampu dan peralatan elektrik.
- 10.1.3. Apabila mendengar loceng berpanjangan atau pun arahkan melalui P.A Sistem, tindakan mengosongkan bangunan bolehlah dijalankan.

10.2. BUNYI LOCENG BERPANJANGAN :-

- 10.2.1. Tutup suis lampu dan peralatan elektrik.
- 10.2.2. Tutup pintu dan tingkap.
- 10.2.3. Sesiapa yang diarahkan oleh pegawai insiden kebakaran untuk membantu kerja-kerja pemadaman.



- 7.2.4. Keluar meninggalkan bangunan melalui tangga dan turun kebawah
- i. Jangan menggunakan lif.
 - ii. Jangan membawa apa-apa barang bersama anda.
- 7.2.5. Orang terakhir yang meninggalkan pejabat , hendaklah menutup pintu keluar pejabat .
- 7.2.6. Laporkan diri di tempat berkumpul dan jangan tinggalkan tempat berkumpul sehingga diarahkan berbuat demikian .
- 7.2.7. Semasa menuruni tangga ,jangan berpatah balik dan jangan bertolak.

11. PERANAN BERTINDAK SEMASA LATIHAN / KECEMASAN KEBAKARAN

11.1. KETUA INSIDEN DAN PENOLONG KETUA INSIDEN.

- i. Menyelaras dan mengadakan perbincangan dengan ahli – ahli jawatankuasa bertindak kebakaran dari masa ke semasa.
- ii. Mengetuai operasi latihan / kecemasan kebakaran bagi keseluruhan bangunan.
- iii. Bersedia di bilik kawalan kebakaran, menerima laporan dan membuat perhubungan dengan pegawai-pegawai insiden di tingkat – tingkat berlakunya kebakaran.

11.2. PEGAWAI – PEGAWAI INSIDEN

11.2.1. Jika kebakaran berlaku di tingkat masing-masing :-

- i. Padamkan jika kebakaran kecil dan tidak mengancam keselamatan.
- ii. Jika berlaku kebakaran agak besar, bunyikan loceng kecemasan kebakaran.
- iii. Arahkan penghuni keluar secepat mungkin.
- iv. Periksa kehadiran penghuni di tempat berkumpul.
- v. Laporkan kepada ketua insiden.



11.2.2. Jika kebakaran berlaku di lain tingkat dan mendengar loceng kecemasan kebakaran :-

- i. Arahkan penghuni bersedia dan tunggu arahan selanjutnya untuk mengosongkan bangunan.
- ii. Periksa kehadiran penghuni di tempat berkumpul.
- iii. Laporkan kepada ketua insiden.

12. PANDUAN KESELAMATAN KEBAKARAN KEPADA PENGHUNI

12.1. Tindakan oleh sesiapa yang terserempak dengan kebakaran :-

- Jika api kecil padamkan saja, gunakan alat bantu mula.

12.2. Jika kebakaran di peringkat mencemaskan :-

- i. Bunyikan loceng amaran kebakaran
- ii. Jika nampak mangsa kebakaran, selamatkan.
- iii. Hubungi pusat kawalan kebakaran/ bomba.
- iv. Keluar, selamatkan diri di tempat berkumpul.
- v. Padamkan semua suis lampu dan peralatan elektrik.
- vi. Tutup pintu-pintu di belakang anda.
- vii. Laporkan diri di tempat berkumpul.

13. PASUKAN PENYELAMAT / PEMADAM KEBAKARAN ;

13.1. Menjalankan tugas-tugas menyelamatkan dan memadam kebakaran di tingkat berlakunya pada peringkat awal kebakaran.

13.2. Tugas-tugas ini diserahkan kepada pihak bomba apabila pihak bomba sampai.

13.3. Tinggalkan tempat kebakaran sekiranya api tidak dapat lagi dikawal dan mengancam keselamatan diri.



14. JURUTEKNIK PUSAT KAWALAN KEBAKARAN ;

- 14.1. Bersiap sedia di bilik kawalan kebakaran.
- 14.2. Memberi bantuan yang diperlukan oleh ketuainsiden / pegawai bomba berhubung dengan perjalanan sistem' fire alarm 'dan alat-alatan komunikasi kebombaan.

15. TINDAKAN OLEH SESIAPA YANG TERPERANGKAP DI DALAM ASAP ;

- 15.1. Bertenang ,jangan panik.
- 15.2. Rebahkan diri ,merangkak di paras lantai untuk mencari jalan keluar .(udara bersih masih boleh diparas 1 kaki dari lantai).
- 15.3. Bernafas secara perlahan ,gunakan tuala basah untuk menutup mulut dan hidung jika perlu.
- 15.4. Hampiri tingkap, menjerit atau melambai-lamba iuntuk mendapatkan pasukan penyelamat.



PERANAN MEMBANTU

Senarai tugas yang boleh membantu:-

1. JK Keselamatan Sekolah

- Melaporkan kepada sekolah jika ada kerosakan alat pamadan api dan sebagainya.

2. Kempen Sekolah Selamat

- Memberitahu pihak sekolah tentang kerosakan yang boleh mendatangkan bahaya kepada pelajar sekolah

3. Pengungsian Bangunan

- Membantu kelas masing-masing beredar ke tempat berkumpul

4. Masyarakat Setempat

- Melaporkan kepada pihak berkuasa tentang kerosakan pili bomba atau situasi yang boleh mendatangkan bahaya kepada masyarakat setempat.

5. Keluarga

- Menerangkan kepada ahli keluarga cara-cara menyelamatkan diri sewaktu kebakaran dalam rumah.

6. Membimbing Rakan Sebaya

- Membimbing rakan-rakan dalam penggunaan alat pemadam api.

